

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

## ABAI KEBERSIHAN

# DBKU akan tarik balik permit peniaga bazar Ramadan

**Kuching:** Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) tidak akan teragak-agak menarik balik permit peniaga bazar Ramadan yang didapati mengabaikan kebersihan termasuk menjual makanan kitar semula.

Datuk Bandar DBKU Hilmy Othman berkata, pihaknya akan membuat pemantauan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang Ramadan ini bagi memastikan peniaga mematuhi arahan kebersihan.

Beliau mengakui, kebersihan serta makanan kitar semula di bazar Ramadan menjadi isu sebelum ini.

"Kita tidak mahu ia berulang lagi pada Ramadan kali ini. Sebab itu, setiap peniaga diberi taklimat dan diberi penjelasan rapi berhubung keutamaan kebersihan.

"Jika didapati ada yang melanggar arahan kebersihan itu, permit akan ditarik balik serta merta. Lebih baik kita memberi peluang kepada orang lain yang jujur untuk mencari rezeki di bulan Ramadan ini," katanya selepas Majlis Perasmian Bazar Ramadan Satok, di sini, semalam, yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi, Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Satok, Datuk Ibrahim Baki.

Sementara itu, Dr Abdul Rahman yang juga menteri bertanggungjawab terhadap hal ehwal DBKU berkata, bagi mengelak berlakunya makanan yang tidak terjual, setiap peniaga sudah diberi taklimat tidak menyediakan makanan terlalu banyak.

"Jika banyak lebih makanan yang tidak terjual, itu yang menyebabkan ada peniaga mengitar semula makanan pada hari sebelumnya untuk dijual pada hari berikutnya.

"Untuk mengelak ia berlaku peniaga sudah diingatkan supaya menyediakan makanan secukupnya untuk dijual setiap hari," katanya.

DBKU membuka tiga bazar Ramadan yang dibuka mulai kelmarin hingga 9 April iaitu di Satok, Semarak dan Sukma Ria dengan keseluruhan gerai berjumlah 82.

Selain itu, sebanyak sembilan bazar Ramadan turut dibuka pihak swasta di kawasan DBKU iaitu di Medan Niaga Satok, Pasar Malam Metro City, Majma Mall dan Tapak Persatuan Peniaga Pasar Malam Bandar Baru Samariang.

Bazar Ramadan swasta yang lain ialah di Mydin Vista Tunku, tempat letak kereta Masjid Al Hashim di Kampung Muda Hashim, Mydin Bandar Baru Samariang, tempat letak kereta Masjid Ikhwanul Islam di Taman Sukma dan Meditel Hospital Umum Sarawak.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

## Menteri Kesihatan dirujuk ke hospital, alami gejala renal colic

**PUTRAJAYA** - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dirujuk kepada jabatan kecemasan pada awal pagi Rabu kerana disyaki mengalami gejala renal colic (batu karang).

Bagaimanapun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi kenyataan memaklumkan keadaan Dr Dzulkefly stabil dan sedang menerima rawatan.

"Menteri Kesihatan telah dirujuk ke jabatan kecemasan pada awal pagi ini (Rabu) kerana disyaki mengalami gejala renal colic.


"Beliau kini dalam keadaan stabil dan sedang menerima rawatan. Sama-sama kita doakan agar beliau diberikan kesihatan yang baik dan kembali pulih untuk bertugas," kata kenyataan itu.



DR DZULKEFLY

### INFO

**Renal colic** atau kolik buah pinggang merupakan sejenis kesakitan yang dialami apabila batu karang menyekat bahagian saluran kencing, buah pinggang, ureter, pundi kencing serta uretra. Batu karang terbentuk apabila mineral seperti kalsium dan asid urik tersekat bersama dalam air kencing dan menghasilkan kristal keras.



Batu-batu itu boleh menjadi sekecil butiran pasir atau sebesar bola golf. Apabila batu ini tumbuh cukup besar, ia boleh menjadi sangat menyakitkan.

### GEJALA

- Sakit yang kuat di sepanjang sisi badan di antara rusuk dan pinggul atau di bahagian bawah abdomen
- Sakit yang merebak ke belakang atau pangkal paha
- Loya atau muntah
- Sakit apabila membuang air kecil
- Darah dalam dalam air kencing mungkin berwarna merah jambu, merah atau coklat
- Air kencing keruh atau berbau busuk
- Kerikil - kepingan kecil batu dalam air kencing
- Keperluan mendesak untuk membuang air kecil
- Buang air kecil lebih atau kurang daripada biasa
- Demam dan menggigil (jika mempunyai jangkitan)

### PUNCA

Kolik buah pinggang berlaku apabila batu tersangkut di saluran kencing anda, selalunya di dalam ureter. Batu itu meregangkan dan meluaskan kawasan, menyebabkan kesakitan yang teruk.

### FAKTOR TINGKAT RISIKO MENDAPAT BATU KARANG

- Diet tinggi bahan yang menyebabkan batu terbentuk seperti oksalat atau protein
- Sejarah keluarga
- Dehidrasi akibat tidak minum air yang mencukupi atau kehilangan terlalu banyak cecair melalui berpeluh, muntah atau cirit-birit
- Obesiti
- Pembedahan pintasan gastrik yang meningkatkan penyerapan kalsium badan dan bahan lain yang membentuk batu
- Gangguan metabolik, penyakit keturunan, hiperparatiroidisme dan keadaan lain yang boleh meningkatkan jumlah bahan pembentuk batu dalam badan jangkitan saluran kencing

### PENCEGAHAN:

- Minum sekurang-kurangnya 8 hingga 10 gelas air sehari
- Kurangkan soda terutamanya yang mengandungi asid fosforik
- Kurangkan garam dalam pemakanan
- Hadkan protein haiwan daripada makanan seperti daging merah, ikan dan telur
- Hadkan makanan yang tinggi kandungan oksalat seperti bayam dan kacang

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 28  
RUANGAN : NEGERI

## Penjual vape secara terbuka akan dikenakan tindakan

**JOHOR BAHRU** - Peniaga yang didapati menjual rokok elektronik (vape), secara terbuka di negeri ini akan dikenakan tindakan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurut Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Mohd Jafni Md Shukor, tindakan tersebut akan dilaksanakan sekiranya terdapat aduan terhadap penjualan vape yang berleluasa secara terbuka.

"Di peringkat negeri, kita masih me-larang penjualan vape secara terbuka. Kita nasihatkan kepada peniaga agar mematuhi apa yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

"Jika ada aduan kita akan ambil tindakan kerana laporan perlu ada daripada aduan daripada masyarakat," katanya.

Tegasnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negeri ini akan terus memantau aktiviti penjualan vape bagi memastikan ia tidak berleluasa.

"Secara asasnya, jangan jual. Di peringkat PBT di, kita akan sentiasa memantau agar gejala vape ini tidak berleluasa.

"Untuk jualan online (dalam talian) pula, memanglah susah nak kawal...cuma bila aduan orang ramai, penguatkuasaan perlu ada," katanya.

Pada 29 November 2015, Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar ketika itu dilaporkan bertitah mengharamkan penjualan dan penggunaan vape di negeri ini bermula 1 Januari 2016, sekali gus menjadi negeri pertama yang berbuat demikian.

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATIONAL

## Vape traders in Johor to face strict action

**JOHOR BAHRU:** Vape or electronic cigarette traders who persist in selling these products in Johor will face strict action by the state authorities, said Housing and Local Government Committee chairman Datuk Mohd Jafni Md Shukor.

He reminded the traders that the ban on the sale of vape products in the state, including devices and liquids, has been in effect since 2016. "Johor is among the states that prohibit the sale of vape products. We have received complaints about

the sale of vapes throughout last year, but the number is not significant and is limited to certain areas," he said after visiting the Ramadan bazaar in Bandar Baru Uda. "Enforcement officers are taking action, even targeting online vape

traders. Strict legal measures will be taken, especially when complaints are received from the public. Therefore, we advise traders to adhere to the guidelines set by the state government," he said.  
- Bernama